

Soalan No:57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING

TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan masih mewajibkan Dong Zong untuk mengkaji semula liputan kandungan subjek sejarah negara dalam kurikulum UEC supaya selari dengan sejarah negara sebagai salah satu syarat untuk mengiktiraf UEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu UEC telah dijawab dengan jelas berulang kali di Parlimen. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terikat dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang merupakan suatu dasar yang dilaksanakan di bawah Akta pendidikan 1996 [Akta 550]. Dasar ini dilaksanakan menerusi suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Pendirian KPM adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara ini perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, *Unified Examination Certificate* (UEC) didapati tidak akur dengan kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan tersebut.

KPM menegaskan bahawa UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. KPM juga mengambil maklum bahawa perbincangan berhubung perkara tersebut dilakukan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Sehubungan dengan itu, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kulai adalah di luar bidang kuasa KPM.

RJM93a [PM22(5)]